



**PENGURUSAN KEWANGAN ISLAM: KE ARAH KESEJAHTERAAN KEWANGAN  
INSTITUSI KELUARGA DI MALAYSIA SEMASA PANDEMIK COVID-19**

**[ISLAMIC FINANCIAL MANAGEMENT: TOWARDS THE FINANCIAL WELLNESS OF  
FAMILY INSTITUTIONS IN MALAYSIA DURING THE COVID-19]**

CHE ADENAN MOHAMMAD<sup>1\*</sup>  
AHMAD SHARIFUDDIN MUSTAPHA<sup>2</sup>  
FAISAL HUSEN ISMAIL<sup>2</sup>  
ARWANSYAH KIRIN<sup>2</sup>  
MUHAMMAD MASRURI<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Institut Ahli Sunnah wal Jamaah (ISWAJ), Universiti Tun Hussein Onn, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: [adenan@uthm.edu.my](mailto:adenan@uthm.edu.my)

Received Date: 2 March 2022 • Accepted Date: 30 April 2022

**Abstrak**

Pengurusan kewangan Islam merupakan satu aspek penting dalam institusi keluarga muslim. Pengurusannya yang patuh patuh syariah, tersusun dan sistematik harus dirancang dan dilakukan bagi mencapai matlamat kewangan lestari dalam institusi keluarga muslim. Kepentingan ini makin mendesak dikala seluruh manusia kini terpaksa berdepan dengan krisis kesihatan yang parah akibat pandemik Covid-19 yang melanda. Dilaporkan 60% rakyat Malaysia hanya mempunyai jumlah simpanan yang boleh bertahan selama 6 bulan sahaja jika berlaku kecemasan atau kehilangan pendapatan. Dan hanya 10.8% sahaja dalam kalangan masyarakat yang mampu bertahan jika berlaku situasi kecemasan terhadap ketua keluarga seperti kehilangan pekerjaan, hilang upaya atau kematian. Sedangkan pandemik Covid-19 yang sedang melanda dalam negara menuntut kepada persediaan kewangan keluarga yang sangat kukuh untuk berhadapan dengan suasana yang tidak dijangka semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan tempoh darurat (lockdown). Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan beberapa isu yang timbul kesan daripada salahurus kewangan dalam institusi keluarga muslim serta cadangan yang relevan untuk berhadapan dengan pandemik Covid-19 menurut perspektif pengurusan kewangan Islam. Metode kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif deskriptif, iaitu Kajian kepustakaan menerusi rujukan buku-buku, artikel jurnal, kertas persidangan dan kajian ilmiah. Rujukan ini merupakan data primer kepada kajian ini. Selain itu, maklumat daripada hasil temubual pakar yang sedia ada melalui program-program ilmiah juga dijadikan rujukan dalam data kajian ini. Kajian mendapati hanya Institusi keluarga yang mempunyai kekuatan pendapatan dan minimum perbelanjaan yang disokong oleh tadbirurus kewangan yang sistematik mengikut sistem

pengurusan kewangan Islam mampu bertahan dan boleh berhadapan dengan situasi pandemik Covid-19.

**Kata kunci:** Kewangan Islam, Pengurusan kewangan Islam, Kewangan Institusi Keluarga

### **Abstract**

*Islamic financial management is an important aspect of Muslim family institution. Its Shariah - compliant, organized and systematic management should be planned and practiced to achieve sustainable financial goals in Muslim family institutions. This interest is increasingly urgent when all people are now having to deal with a severe health crisis due to the covid-19 pandemic. It is reported that 60% of Malaysians have only 6 months of savings in the event of an emergency or loss of income. And only 10.8% in the community have an ability to survive in the event of an emergency situation for family heads such as loss of employment, disability or death. While the Covid-19 pandemic in the country is demanding a strong family financial preparation to deal with an unexpected atmosphere during the Movement Control Order (MCO) and the Lockdown period. Therefore, this article aims to discuss some of the issues that arise from financial misunderstandings in Muslim family institutions as well as relevant proposals to face Covid-19 pandemics according to Islamic financial management perspectives. The method of this study is in the form of descriptive qualitative studies, namely library studies through book reference, journal articles, conference papers and scientific studies. This reference is a primary data for this study. In addition, information from existing expert interviews through scientific programs is also referred to as the data of this study. Studies have found that only family institutions with income strength and minimum expenditure supported by systematic financial management according to the Islamic financial management system have survived and can face the Covid-19 pandemic situation.*

**Keywords:** *Islamic finance, Management of Islamic finance, Finance of family institution*

**Cite as:** Che Adenan Mohammad, Ahmad Sharifuddin Mustapha, Faisal Husen Ismail, Arwansyah Kirin & Muhammad Masruri. 2022. Pengurusan Kewangan Islam: Ke Arah Kesejahteraan Kewangan Institusi Keluarga di Malaysia Semasa Pandemik Covid-19 [Islamic Financial Management: Towards the Financial Wellness of Family Institutions in Malaysia during the Covid-19]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 282-297.

## **PENGENALAN**

Pada era yang sedang membangun dengan pesat kini, dunia digemparkan dengan penyebaran wabak Covid-19. Situasi di seluruh dunia amat terkesan dengan penyebaran wabak ini. Malaysia juga turut terkesan dengan pandemik ini dalam pelbagai aspek seperti krisis kesihatan, ekonomi, sosial dan juga politik. Namun secara khususnya, apa yang dapat dilihat sepanjang berlakunya penyebaran wabak ini, adalah kesan terhadap beban pengurusan kewangan institusi keluarga. Perkara ini jelas dapat dilihat sejak bermulanya perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada Mac 2020 yang diarahkan oleh pihak kerajaan. Perlaksanaan PKP terpaksa dijalankan ke seluruh negara bagi mengelakkan wabak ini terus menular dengan lebih berleluasa ke setiap pelusuk negara. Walaupun begitu, di sebalik perlaksanaan PKP ini

juga, telah menyebabkan golongan yang kurang berkemampuan atau golongan B40 yang pendapatan isi rumah keluarga RM4,850 sebulan dan ke bawah, mempunyai masalah dari segi pengurusan kewangan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam fasa PKP ini. Hal ini kerana, ada sebilangan keluarga dari golongan B40 yang ketua keluarga mereka terpaksa diberhentikan kerja oleh majikan disebabkan kegagalan mereka untuk menyerap kos yang ditanggung dalam masa yang sama produk tidak dapat dipasarkan rentetan daripada perintah Kawalan Pergerakan ini. Perkara ini mengakibatkan mereka tidak dapat menguruskan pendapatan dan kewangan mereka dengan baik, lebih-lebih lagi bagi institusi keluarga yang tidak mempunyai simpanan kecemasan sebelum ini. Oleh hal yang demikian, dalam situasi yang perit ini, setiap ketua keluarga terus cakna dan berperanan dalam menguruskan kewangan mereka dengan cara yang betul dan mengikut saranan yang sepatutnya daripada ilmu dan kemahiran pengurusan kewangan Islam ke arah menyerap bebanan kecemasan kewangan dalam menghadapi situasi pandemik covid-19.

### **KONSEP PENGURUSAN KEWANGAN ISLAM**

Menurut (Norfaizah, Fadilah, 2021), kewangan berasal daripada perkataan Latin, “finis” yang bermaksud pengeluaran, pengagihan dan pembelian tuntutan-tuntutan ekuiti dan tanggungan (liabiliti) yang dikeluarkan bagi tujuan memperolehi aset-aset yang menghasilkan perolehan. Umum mengetahui bahawa pengurusan kewangan adalah proses yang melibatkan bahagian kerja pengurusan dan pentadbiran yang melibatkan beberapa kaedah yang menunjukkan dana untuk membiayai perbelanjaan awam yang diperolehi, dibelanja dan diperakunkan. Termasuk juga proses-proses yang melibatkan perancangan, pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar mengenai pencukaian, belanjawan, perbelanjaan, perolehan, perakaunan dan lain-lain.

Islam juga sangat menggalakkan umatnya untuk sentiasa mengambil cakna tentang pengurusan kewangan demi menjalankan kehidupan yang lebih terjamin. Justeru, pengurusan harta yang lebih bermatlamat, mengikut syarak akan dapat memandu manusia ke arah yang lebih baik dan mengikut acuan Islam. Pada masa yang sama, dapat meraih keredhaan dan kerahmatan daripada Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 278 dan 279 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah SWT dan tinggalkanlah saki baki riba itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan, (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah SWT dan Rasul-Nya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian), kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.”

Kegagalan manusia di akhirat kelak adalah disebabkan kegagalan mereka menurut perintah Allah SWT di dunia. Melalui ayat di atas, jelas pengharaman riba dan kesan daripada pengulangan mengamalkan riba. Sejak sekian lama manusia telah bergelumbang dengan riba dalam sistem ekonomi dan kewangan. Acuan sistem kewangan telah diolah dengan jayanya hanya untuk mengejar keuntungan dunia semata-mata dan seterusnya umat Islam terus

terjerumus ke lembah ancaman yang dijanjikan oleh Allah SWT akibat daripada tidak mengambil berat urusan halal dan haram di dalam aktiviti kewangan mereka.

### **KOMPONEN PENGURUSAN KEWANGAN ISLAM**

Menurut Zarinah et al. (2021), terdapat lima komponen pengurusan kewangan Islam yang diadaptasi dari *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM)*. Antara komponen tersebut merangkumi penjanaan kekayaan, pemurnian kekayaan, perlindungan kekayaan, pengumpulan kekayaan, dan pengagihan kekayaan.

#### **i. Penjanaan Kekayaan**

Masyarakat perlu menjadi lebih kreatif dalam menjana sumber pendapatan ketika menghadapi cabaran pandemik ini. Menurut Nuradli et al. (2020), pendapatan boleh dibahagikan kepada 3 kategori utama, iaitu pendapatan aktif, pendapatan pasif dan pendapatan portfolio. Menurut pandangan Eza (2020), pendapatan aktif merupakan pendapatan yang diterima hasil daripada pekerjaan yang dilakukan. Sekiranya ingin mendapatkan hasil yang konsisten, maka kerja dan usaha yang berterusan sangat diperlukan. Sebagai contoh pendapatan aktif, ia adalah hasil atau gaji daripada pekerjaan, komisen dan pendapatan daripada bisnes yang memerlukan penglibatan secara terus-menerus. Manakala bagi pendapatan pasif pula, ia merupakan pendapatan yang memerlukan usaha dahulu atau modal yang besar, yang berupaya untuk menjana pendapatan berterusan untuk jangka masa yang panjang. Pendapatan pasif ini tidak memerlukan usaha yang berterusan untuk terus kekal dalam menjana pendapatan. Sebagai contoh pendapatan pasif ialah hasil pendapatan daripada hartanah, dividen saham, pegangan dalam perniagaan, amanah saham, royalti daripada hasil karya penulis buku dan lain-lain lagi. Seterusnya, menurut Lum dan Saiful (2011), pendapatan portfolio pula membawa maksud kumpulan aset kewangan seperti saham, bon, tunai, dan juga pelaburan bebas risiko. Kepelbagaian jenis pelaburan dalam sesuatu portfolio bertujuan untuk meminimumkan pendedahan kepada risiko terutamanya risiko bukan sistematik ke arah meningkatkan kadar pulangan yang maksimum sebagaimana yang diinginkan oleh para pelabur.

Walaupun masyarakat Malaysia kini terpaksa berhadapan dengan pandemik Covid-19, namun ianya bukanlah satu halangan yang besar bagi mereka untuk meneruskan usaha dalam menjana pendapatan. Bahkan mereka terus menerus mengaplikasikan penggunaan media sosial sebagai salah satu platform untuk mendapatkan pendapatan utama dan juga sampingan. Pelbagai kaedah dan usaha yang dilakukan oleh rakyat Malaysia kini untuk menjana pendapatan seiring dengan kemajuan teknologi dan kepesatan medium pemasaran semasa.

#### **ii. Pemurnian Kekayaan**

Penyucian kekayaan antara komponen yang digabungkan dalam setiap komponen pengurusan kewangan Islam. Terdapat dua jenis penyucian kekayaan, iaitu penyucian jasmani dan rohani. Penyucian jasmani atau lebih mudah, iaitu penyucian fizikal melibatkan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Islam dan mengelakkan percampuran elemen kekayaan dengan unsur-unsur yang dilarang seperti *riba'* (bunga dan faedah), *gharar* (ketidakpastian), transaksi yang tidak adil, menipu, mencuri, berniaga produk haram (apa sahaja yang dilarang dalam Islam), dan

perjudian. Penyucian fizikal ini akan dicapai dengan mengikuti hukum-hukum syariah.

Manakala, penyucian rohani meliputi rasa syukur kepada Allah (SWT), kebahagiaan dalam menolong orang lain, dan kebebasan daripada kebencian, cemburu, mementingkan diri sendiri, kegelisahan dan sifat tamak serta keserakahan. Kedua-dua jenis penyucian ini bertujuan untuk menyucikan harta dan jiwa fizikal umat Islam. Terdapat beberapa kaedah dalam Islam untuk mencapai penyucian harta kekayaan, antaranya adalah seperti Infaq (perbelanjaan) untuk keluarga, Zakat, Haji, Sadaqah (amal), *Qardul Hassan* (pinjaman tanpa bunga), Hibah (hadiah), dan Wakaf (pemberian) (Al-Aidaros et al 2020). Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 195, maksudnya:

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Ayat tersebut menjelaskan tentang nasihat untuk membelanjakanlah harta benda di jalan Allah SWT, iaitu untuk membela agamaNYA dan berjihad di jalanNya. Jihad di jalan Allah SWT tidak dapat ditegakkan tanpa adanya infak. Infak merupakan rohnya, dan ketiadaannya dapat menghilangkan jihad dan menjadikan musuh lebih kuat.

### iii. Perlindungan Kekayaan

Takdir merupakan ketetapan Allah SWT. kepada setiap hambanya. Kita sebagai umat Islam wajib mempercayai setiap qada' dan qadar yang telah ditetapkan dalam hidup. Namun, masih ada di kalangan umat Islam yang salah faham dengan konsep takdir yang sebenar. Disebabkan salah faham yang berlaku, apa sahaja tindakan atau strategi pengurusan risiko untuk melindungi aset mahupun kehidupan telah dianggap sebagai bertentangan dengan takdir dan kehendak Allah SWT.

Takaful merupakan cara atau pilihan bagi mengurangkan risiko kerugian kewangan yang disebabkan oleh apa saja musibah atau kemalangan. Hakikatnya, pelan takaful merupakan salah satu produk pengurusan risiko dalam sistem kewangan Islam. Ia adalah alternatif terhadap insurans dalam pengurusan kewangan konvensional. Pada pelan tersebut, pelanggan perlu membayar sejumlah wang yang telah ditentukan sebagai caruman yang sebahagiannya diagihkan kepada dana risiko dengan menggunakan konsep *Tabarru'*. Manakala sebahagian yang lain pula kepada pihak yang lain dengan persetujuan bersama. Dalam Takaful, risiko daripada individu atau organisasi dikongsi dengan individu atau organisasi lain yang mempunyai corak yang sama secara relatif. Bagi Individu atau organisasi yang mengambil bahagian dalam pelan ini akan memberikan caruman kepada dana Takaful. Sekiranya sesuatu risiko berlaku ke atas mereka, maka mereka akan menerima pampasan daripada dana Takaful tersebut untuk menampung kerugian yang telah mereka alami.

#### iv. Pengumpulan Kekayaan

Islam turut menggalakkan umatnya untuk mengumpul harta kekayaan. Hal ini demikian kerana, mengumpul harta sedikit sebanyak dapat membantu sebuah institusi keluarga sekiranya berlaku sebarang kecemasan. Selain itu, mengumpul harta juga dapat memudahkan urusan dan keperluan bagi masa akan datang. Rasulullah SAW bersabda:

"Allah SWT. memberikan rahmat kepada seseorang yang berusaha mencari harta dengan jalan yang halal dan membelanjakannya dengan cara sederhana dan berhemah serta menabung kelebihanannya untuk hari susah dan hajatnya."  
(Riwayat Ibn an-Najjar)

Hadis tersebut menerangkan bahawa Islam tidak menghalang umatnya untuk mengumpul sebanyak mana harta kekayaan yang diinginkan, namun harta tersebut mestilah dari sumber yang halal dan diredai oleh Allah SWT. Hanya dengan usaha mencari sumber kekayaan yang halal, nasib umat Islam akan lebih terbelak dan dapat menghindarkan diri daripada meminta-minta, seterusnya dapat mengumpul pahala dengan cara membelanjakan harta ke jalan Allah SWT. Sebagai contoh bagi perkara yang memerlukan kepada pengumpulan harta ialah untuk kegunaan kecemasan, perancangan pendidikan anak-anak, perancangan persaraan, simpanan di Tabung Haji untuk menunaikan rukun Islam yang kelima dan sebagainya. Setiap perancangan yang dilakukan pasti akan memberi kemudahan pada masa akan datang.

#### v. Pengagihan Kekayaan

Dalam konteks pengagihan kekayaan pula, masih ramai umat Islam yang tidak merancang bagaimana ingin menguruskan pengagihan kekayaan mereka untuk mengelakkan berlakunya konflik di masa depan.

Menurut Alias et al. (2014), sekiranya setiap insan dapat mengurus dan mengatur kehidupannya berteraskan hukum dan syariat Islam, sudah pasti mereka akan mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Harta dan kuasa merupakan salah satu amanah Allah SWT yang perlu diuruskan dengan cara yang bijak dan berlandaskan hukum syariat-Nya. Perancangan pengurusan harta pusaka merupakan antara usaha dan rancangan persediaan awal yang menjadi keperluan dan wajar dilakukan untuk membahagikan dan mengagihkan harta yang dimiliki oleh pemilik asal kepada waris atau mereka yang bakal menerima harta tersebut tatkala pemilik telah meninggal dunia. Seperti yang dimaklumi, pengurusan bagi pembahagian harta ini diuruskan sewaktu pemilik harta tersebut masih hidup.

Ilmu Faraid pula merupakan salah satu cabang ilmu Fiqh yang disyariatkan kepada umat manusia bertujuan untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan harta pusaka atau apa juga harta yang bernilai hasil peninggalan si mati. Ilmu faraid telah menjelaskan secara terperinci golongan yang dianggap waris kepada si mati yang berhak menerima harta pusaka dengan kadar bahagian tertentu dengan adil.

Selain itu, wasiat pula merupakan sebahagian daripada kaedah pembahagian harta dalam Islam. Wasiat dapat ditakrifkan sebagai satu perbuatan kebajikan dengan suatu hak yang terlaksana selepas kematian seseorang. Ringkasnya, wasiat ialah urusan pindah milik harta atau manfaat yang dikhususkan untuk beramal jariah kepada mereka yang tidak tersenarai dalam ahli waris. Hanya 1/3 sahaja daripada nilai harta keseluruhan milik si mati yang boleh dikuatkuasa dan terjadinya urusan pindah milik tersebut selepas kematian si mati. Mereka yang bukan ahli waris dikategorikan sama ada individu atau pertubuhan seperti anak angkat, cucu atau rumah anak yatim dan badan-badan kebajikan yang diiktiraf.

Seterusnya, Hibah (hadiah), iaitu satu pemberian daripada pemberi (pemilik harta) kepada penerima yang dibuat atas dasar kasih sayang. Secara prinsipnya, pemilik harta tersebut dibolehkan untuk memberikan hartanya sebagai Hibah kepada sesiapa sahaja yang dikehendaknya. Hibah tersebut juga boleh diberikan kepada ahli waris atau bukan ahli waris. Manakala dari segi kuat kuasa untuk urusan pindah milik, ia berlaku serta merta semasa pemberian atau semasa pemilik harta tersebut masih hidup.

## **ISU-ISU YANG MELIBATKAN SALAH URUS KEWANGAN**

Tidak dinafikan bahawa sebelum munculnya pandemik Covid-19 ini juga, pelbagai isu telah diperkatakan berkaitan dengan salah urus kewangan. Kurang mengambil perhatian atau sikap tidak berdisiplin dalam diri sesetengah individu telah mengakibatkan kecuaian dalam menguruskan kewangan mereka sendiri.

Menurut Mohd Nasaruddin (2020), di dalam akhbar versi *online*, pengurusan kewangan yang lemah disebabkan beberapa faktor seperti pendapatan kecil, perbelanjaan tidak teratur serta kurangnya motivasi dan disiplin menyebabkan seseorang individu itu gagal mengatur kewangannya dengan lebih baik. Selain itu, menurut pendapat Profesor Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Shazali Abu Mansor, yang telah menyatakan bahawa sebahagian besar rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk menghadapi situasi kecemasan, termasuk ketika pandemik COVID-19 melanda, sekaligus menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada bantuan dan subsidi kerajaan.

Hal ini demikian kerana, budaya menabung dalam kalangan rakyat Malaysia masih kurang dan kurang dipupuk dan diambil cakna. Ianya disebabkan sebahagian daripada rakyat yang bekerja sebagai penjawat awam menganggap mereka sudah ada pencen tatkala mereka telah bersara. Manakala bagi pekerja swasta pula, mereka beranggapan bahawa simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sudah mencukupi untuk menyara mereka pada masa akan datang. Secara langsung, stigma tersebut telah mendorong rakyat untuk tidak menjadikan budaya menabung sebagai perkara penting dalam kehidupan mereka terutama persediaan apabila berlaku situasi luar jangka, termasuk pandemik COVID-19.

Di samping itu juga, kebanyakan rakyat Malaysia sudah terbiasa dan sangat berminat untuk membuat pinjaman peribadi dan pelbagai jenis pinjaman daripada institusi perbankan atau agensi pemberi dana lain untuk mendapatkan wang dengan jangka masa yang lebih cepat dan mudah berbanding menyimpan dan menabung. Namun, apabila berlaku situasi kecemasan yang mengejutkan, kebanyakannya lebih mengharapkan bantuan dan subsidi kerajaan disebabkan simpanan mereka tidak mencukupi untuk bertahan dalam tempoh yang panjang.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya untuk rakyat terus dididik dan didedahkan dengan ilmu, kemahiran dan budaya menyimpan dan menguruskan harta dan kewangan.

### **IMPAK PENGURUSAN KEWANGAN ISLAM SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Seperti yang kita maklum, Pengurusan Kewangan Islam juga turut terkesan semasa pandemik Covid-19 ini. Namun, berdasarkan kenyataan akhbar online Sinar Harian, sistem kewangan Islam telah berkembang pada kadar yang lebih pantas berbanding sistem kewangan konvensional, hasil daripada maklum balas beberapa institusi kewangan yang turut mengamalkan strategi mengutamakan pengurusan kewangan Islam pada peringkat kumpulan. Menurut Laporan Tahunan 2019 yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), pada akhir 2019, pembiayaan oleh institusi kewangan Islam mencakupi 39.2 peratus daripada jumlah pembiayaan keseluruhan sektor perbankan (2018: 37.7 peratus). “Jumlah dana yang disimpan dan diuruskan di institusi perbankan Islam kini mewakili 38.0 peratus daripada jumlah keseluruhan deposit sektor perbankan (2018: 36.6 peratus), sementara sumbangan bersih takaful kepada jumlah keseluruhan perniagaan insurans dan takaful terus meningkat kepada 18.3 peratus (2018: 16.6 peratus),” menurut laporan itu (Bernama, 2020).

Dapat dilihat bahawa kesan pengurusan kewangan Islam mempunyai impak yang semakin baik. Selain itu, terdapat juga kenyataan akhbar online yang menyatakan bahawa institusi kewangan Islam sangat berperanan untuk memulihkan kesan negatif pandemik Covid-19. Kenyataan tersebut di sebut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri bahawasanya kewangan Islam misalnya perlu memastikan beberapa aspek seperti perkhidmatan kewangan dapat menambah nilai serta menghasilkan impak positif ke atas ekonomi dan kemaslahatan masyarakat secara amnya dalam memenuhi tuntutan Islam dengan prinsip Syariah. Islam diguna pakai dalam pelaksanaannya.

Selain itu, beliau turut berasa yakin dalam situasi menangani impak Covid-19, nilai-nilai murni selaras dengan tuntutan syarak merupakan asas pertimbangan penting bagi kerajaan dan industri kewangan Islam demi mengambil langkah pencapaian tuntutan Maqasid Syariah yang menekankan kesejahteraan agama, kehidupan, akal, keturunan dan harta. Menurutnyanya beliau lagi, beberapa inisiatif produk muamalat agensi agama di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) adalah seperti Inisiatif Waqaf dan Tabung *Musaadah* Covid-19 1.0 dan 2.0. Inisiatif Waqaf merangkumi perkhidmatan wakaf kepada pemegang unit Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), manakala wakaf air pula telah mencecah kutipan RM223,461 setakat 31 Januari 2021. Selain itu, Tabung *Musaadah* Covid-19 1.0 dan 2.0 pula berjaya menyalurkan sejumlah RM363.5 juta kepada mereka yang terkesan akibat Covid-19 setakat November 2020, kata beliau. Justeru, dapat kita lihat bahawa sistem kewangan Islam semakin popular serta selari dengan sistem kewangan moden di kebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia. Ini juga dapat memperlihatkan kewajaran untuk diperluaskan dan di inovasikan produk-produknya agar sesuai dengan permintaan dan tuntutan semasa. Seterusnya, usaha-usaha yang padu dari pihak regulasi (pengawalseliaan) seperti Bank Negara Malaysia, industri kewangan Islam dan cendekiawan Islam untuk memperluaskan agenda Kewangan Sosial Islam bagi melonjakkan lagi sistem muamalat Islam di Malaysia.



## **STRATEGI MEMPERKASAKAN PENGURUSAN KEWANGAN ISLAM DALAM ERA PANDEMIK DAN ENDEMIK COVID-19**

Sejak tersebar virus Covid-19 di seluruh dunia, kebanyakan rakyat di Malaysia juga turut terjejas. Ini kerana, kebanyakan ahli masyarakat tidak bersedia untuk menghadapi ujian yang mencabar ini. Justeru, terdapat beberapa inisiatif penting yang boleh dilakukan demi memperkasa pengurusan kewangan Institusi keluarga Islam di Malaysia ke arah yang lebih baik.

Antara inisiatif penting adalah meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat akan kepentingan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan bagi institusi keluarga Islam. Untuk itu, semua pihak yang berkaitan dengan institusi kewangan seperti industri perbankan, insurans Islam, syarikat-syarikat swasta yang berkepentingan dalam sektor kewangan harus memainkan peranan yang lebih proaktif untuk turut serta mendedahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan kewangan Islam kepada institusi keluarga khususnya.

Selain itu, strategi memperkasa modal insan dalam sektor kewangan Islam khususnya dalam aspek peningkatan tahap pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan kewangan merupakan inisiatif yang tidak kurang pentingnya. Menurut Nurfarahin (2021), satu kenyataan daripada sesi soal jawab bersama Ketua Pegawai Eksekutif Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), yang menyatakan tentang usaha IBFIM untuk kekal relevan ketika berdepan masalah penularan Covid-19. Beliau telah menjelaskan beberapa elemen penting yang diperlukan untuk melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang kewangan Islam. Antaranya dengan sokongan dan keyakinan daripada pengamal industri itu sendiri. Kerana jika tiada sokongan yang kuat akan lebih sukar bagi institusi keluarga bangun untuk membetul kesilapan dan kesalahan urus tadbir kewangannya. Justeru, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) dan juga Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dan lain-lain institusi perlu memainkan peranan penting dalam memberi sebarang nasihat, perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan maklum balas demi membantu semua pihak yang berkaitan khususnya institusi keluarga dalam negara. Di sini dapat kita lihat bahawa IBFIM antara institusi yang memainkan peranan dalam memantapkan modal insan industri kewangan Islam Malaysia. Hal ini kerana, semakin ramai yang mempelajari dan menjadikan pengurusan kewangan Islam sebagai panduan untuk menguruskan harta akan dapat membimbing masyarakat ke arah pengurusan kewangan keluarga yang lebih lestari dan harmoni.

Seperti diketahui, menurut Nur Syamilah et al. (2020), pelaksanaan pajak gadai Islam atau Ar Rahn juga mampu menyediakan pelbagai bentuk kemudahan dari segi pembiayaan kredit mikro dalam usaha membantu masyarakat mengatasi masalah kewangan yang dihadapi khususnya semasa pandemik ini melalui konsep yang diluluskan oleh Syariah. Al-Rahn menjadi pilihan pengguna bukan sahaja dari segi kesan pematuhan syariah gadai janji konvensional tetapi juga dari kesan sosio-ekonomi yang memberi kesan positif terhadap taraf hidup pengguna.

Selain itu, menurut kajian tersebut juga, Al-Rahn adalah trend pembiayaan mikro di Malaysia. Skim kredit mikro ini diperkenalkan untuk beberapa sebab antaranya adalah untuk

memenuhi keperluan pembiayaan khusus individu yang memerlukan dan yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Selain itu, terdapat kajian lain yang menyokong peranan produk gadaian Islam Al-Rahnu dalam memberi kesan positif kepada pengguna skim dalam aspek pendidikan, penyelesaian hutang, mengurangkan pengangguran, mengelakkan aktiviti perjudian, pinjaman berasaskan riba dan juga mengembangkan perniagaan. Ini kerana perkhidmatan produk ini sangat baik dari sudut proses kelulusan yang pantas, caj perkhidmatan yang rendah dan prosedur yang mudah. Walaupun produk ini adalah antara beberapa inisiatif yang wujud untuk berhadapan dengan suasana yang mendesak dalam fasa pandemik Covid-19, namun ia hanya sesuai dan relevan kepada mereka yang mempunyai simpanan harta yang berasaskan emas seperti barangan kemas daripada emas atau matawang-matawang dinar emas. Justeru, dalam situasi kecemasan maka mereka boleh menggunakan cara dan kaedah ini untuk meneruskan hidup semasa pandemik ataupun pada fasa endemik Covid-19.

Amalan ‘bijak merancang kewangan’ juga merupakan strategi yang perlu diterapkan dalam menguruskan sistem kewangan kekeluargaan. Bencana alam adalah sesuatu perkara yang sukar untuk dielakkan. Maka, kita berperanan untuk sentiasa bersiap-siaga merancang pengurusan kewangan agar apabila berlakunya sesuatu kemalangan, bencana alam, kemelesetan ekonomi dan sebagainya, kita mampu bertahan dalam jangka masa yang panjang. Menurut Dr Azwan Abdullah (2020), seperti yang disebutkan di dalam akhbar “online” berita harian, ketua isi rumah perlu bijak dalam menguruskan perbelanjaan keluarga dengan berupaya membezakan antara perbelanjaan barang kehendak dan barang keperluan. Dalam Islam, wujud 3 jenis penggunaan dalam perbelanjaan iaitu; ‘*daruriyyat*’, ‘*hajiyyat*’ dan ‘*tahsiniyyat*’. ‘*Daruriyyat*’ adalah keperluan bagi perkara asas dan termasuk keperluan kepada makanan, pakaian dan tempat tinggal. ‘*Hajiyyat*’ adalah keperluan bagi keselesaan dan kemudahan, seperti menikmati makanan, pakaian, tempat tinggal dan kenderaan yang lebih baik jika seseorang berkemampuan. Namun, ketiadaannya tidak menjejaskan kehidupan individu. Manakala ‘*Tahsiniyyat*’ pula adalah kehendak kepada kemewahan. Biasanya ia melibatkan pengumpulan terhadap harta kekayaan yang tidak boleh diperolehi oleh golongan *daruriyyat* dan *tahsiniyyat*. Contohnya, penggunaan perhiasan yang mahal seperti barang kemas, kereta mewah dan sebagainya” (Nurshuhaida et al. 2020). Bahkan juga, dalam sesebuah keluarga seharusnya memiliki tabung kecemasan khas. Kerana ianya merupakan cara yang paling selamat untuk mengharungi masalah yang melibatkan kos luar jangka dan kemelesetan ekonomi. Tabung kecemasan yang dicadangkan untuk setiap keluarga adalah bersamaan dengan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pendapatan. Ini untuk memastikan tabung tersebut cukup untuk menampung kos hidup yang merangkumi segala keperluan harian dan komitmen kewangan termasuk pinjaman peribadi pinjaman perumahan, nafkah saraan keluarga dan sebagainya. Jika bekerja sendiri, disarankan supaya mempunyai tabung kecemasan selama satu (1) tahun jumlah pendapatan agar tidak bergantung kepada kad kredit ataupun membuat pinjaman kewangan yang baru kerana perkara ini mengakibatkan pembayaran pinjaman yang lebih tinggi di masa akan datang” (Dr Azwan Abdullah, 2020).

Mencari pendapatan tambahan adalah kaedah yang boleh diguna pakai dalam memperkasakan pengurusan kewangan Islam. Alternatif ini dikhususkan kepada golongan belia yang mampu bekerja atau mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian. “Menurut Berita Harian online bertarikh 06 Jun 2020 bertajuk ‘Mencipta Peluang Kerja Graduan Pasca COVID-19’, mendapati bahawa mengikut sumber daripada Jabatan Perangkaan Negara, pada 2018,

bilangan siswazah di Malaysia seramai 4.96 juta orang, meningkat 7.6 peratus daripada 4.61 juta orang pada 2017. Data juga memaparkan pada 2018, bilangan siswazah bekerja seramai 3.99 juta orang, meningkat 8.2 peratus daripada 3.69 juta orang pada 2017". Peratusan yang tinggi terhadap siswazah seharusnya perlu dibanggakan, akan tetapi apa yang perlu dikhuatirkan ialah semenjak berlakunya penularan wabak Covid-19 adalah sukar bagi siswazah untuk mendapatkan pekerjaan selepas mereka tamat pengajian. Justeru itu, masyarakat perlu kreatif dalam mencipta pekerjaan. Misalnya; mencuba untuk memulakan perniagaan berdasarkan minat dan hobi seperti perniagaan makanan, gubahan bunga dan hadiah. Malahan, penggunaan kemahiran dan latihan semula guna tenaga dapat menghadkan kesan pengangguran yang berpanjangan. Selari dengan strategi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12), usaha akan dipertingkatkan bagi memanfaatkan dan menggunakan teknologi dan pendigitalan dalam proses kerja. Selain itu, peningkatan kemahiran dan latihan semula bakat juga penting bagi memenuhi keperluan industri serta menyediakan akses kepada pembelajaran sepanjang hayat untuk semua segmen. Kerajaan akan terus menyediakan bantuan bersasar bagi yang bekerja sendiri melalui pelaksanaan inisiatif peningkatan kemahiran dan latihan semula selari dengan keutamaan nasional seperti ekonomi digital, pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Justeru itu, seruan supaya tidak memilih kerjaya adalah amat mustahak untuk diambil kira pada masa kini.

Dalam pada itu, berdasarkan kepada Tinjauan ekonomi (2020), langkah yang efisien dalam mendepani cabaran krisis institusi kewangan kekeluargaan semasa pandemik Covid-19 ialah penerima gunaan teknologi dan pendigitalan bagi memantau dan memastikan kelangsungan hidup individu dan perusahaan era pascapandemik boleh dilestarikan dengan lebih berkesan. Setelah hampir 2 tahun hidup dalam era pandemik dan endemik Covid-19, masyarakat mula menerima perubahan norma baharu dalam menjalani gaya hidup harian. Justeru itu, menurut Hafiz (2020), dalam aspek perniagaan dan pemasaran juga menuntut kepada perubahan norma baharu dalam mentransformasi kemajuan teknologi dan pendigitalan seiring dengan tuntutan semasa. Menerusi dasar ini, kerajaan telah menyalurkan bantuan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi menggalakkan peralihan oleh Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) daripada perniagaan secara konvensional kepada platform e-dagang bagi memperluaskan akses pasaran. Selain itu, menurut (Tinjauan ekonomi, 2020) juga, kerajaan telah menyediakan Rangka Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) sebagai dasar yang inklusif bagi mendorong pendigitalan firma bagi semua saiz dan wilayah serta menghapuskan halangan pendigitalan. Hal ini menuntut para usahawan untuk menukar platform perniagaan daripada pelan pemasaran konvensional kepada e-dagang yang berteraskan kepada penggunaan teknologi semasa dan pendigitalan. Berdasarkan kepada satu kajian yang telah dibuat, kebanyakan pembelian melalui platform e-dagang atau media sosial adalah 70 peratus dipengaruhi oleh video. Antara langkah yang boleh dipertimbangkan untuk usahawan terus kekal berdaya saing dalam dunia perniagaan ke arah memperkasa kewangan keluarga adalah seperti berikut:

1. Menguasai ilmu pemasaran secara atas talian sebagai persediaan bagi pertumbuhan pantas ekonomi berasaskan kaedah ini.
2. Menguasai kaedah pembayaran secara atas talian.
3. Mengkaji jenis produk yang mendapat permintaan tinggi dalam pasaran.

4. Menguasai teknologi IoT (Internet of Things) dan segala aplikasi yang berkaitan.
5. Mampu menganalisis, menilai dan membuat keputusan dengan pantas.

Menurut Mustafa et al. (2021), dalam kajian beliau yang menyebut tentang Sukuk sosial. Sukuk sosial merupakan alat kewangan sosial Islam yang sangat penting untuk memerangi masalah ekonomi Covid-19 semasa dan selepas COVID. Sukuk Sosial adalah kaedah baru dan inovatif untuk membiayai perkhidmatan sosial untuk pengagihan semula kekayaan dan pencapaian keadilan sosial. Sukuk Sosial membawa sektor sosial ke dalam wacana kewangan Islam, yang sebahagian besarnya diabaikan berbanding sektor swasta, perniagaan, dan kerajaan. Islamic Development Bank (IsDB) telah mengeluarkan Sukuk Sosial berkaitan COVID-19 di pasaran yang menunjukkan sumbangan bank-bank di pasaran modal untuk membantu pihak yang terkesan dengan COVID-19. Tujuan mengeluarkan Sukuk sosial adalah untuk meminimumkan implikasi kemerosotan ekonomi disebabkan oleh COVID-19 serta membina daya tahan terhadap kejutan pada masa depan. Sukuk (IsDB) berfungsi sebagai titik permulaan dalam pasaran modal Islam kerana institusi kewangan Islam yang lain dijangka mengikutinya dalam beberapa bulan mendatang dan Sukuk ini berfungsi sebagai pendorong kepada pelbagai industri yang terkesan kerana COVID-19.

Seterusnya, kajian tersebut juga menyatakan tentang pembiayaan mikro Islam. Pembiayaan mikro Islam merupakan antara pasaran yang agak baru di pasaran kewangan Islam. Pembiayaan mikro Islam adalah seperti pembiayaan mikro konvensional, memberikan bantuan pinjaman kewangan kepada orang-orang yang dikecualikan dari sistem kewangan tradisional, dengan perbezaannya haruslah selari dengan syariah (syariah compliant). Salah satu objektif pembiayaan mikro adalah untuk menyediakan perkhidmatan kewangan yang berharga kepada individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dikecualikan dari sistem kewangan arus perdana. Individu ini sama ada sangat miskin atau perusahaan kecil dan sederhana yang tidak dapat memenuhi formaliti dokumentari institusi kewangan yang luas. Institusi kewangan mikro, bank Islam, pemerintah, dan institusi kewangan Islam yang lain dapat memainkan peranan besar dan dapat membuat perbezaan besar dengan memberikan sejumlah kecil pinjaman bebas cagaran kepada golongan miskin dan perusahaan kecil dan sederhana yang terkesan akibat COVID-19.

Pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan Zakat dan Wakaf adalah dua konsep utama dalam Syariah Islam yang boleh meningkatkan pembangunan ekonomi beberapa negara Islam di dunia melalui pengurangan kemiskinan dan pemerataan kekayaan. Ini selaras dengan pandangan umum bahawa zakat secara umumnya bukan hanya untuk aktiviti keagamaan sahaja, tetapi mekanisme asas untuk mencapai pembangunan sosial-ekonomi. Oleh itu, melalui pengagihan zakat, pertumbuhan ekonomi dapat dipercepatkan dan golongan kurang mampu dapat dibantu khususnya ke arah mengatasi kesan wabak pandemik semasa dan selepas krisis ekonomi. Oleh yang demikian, zakat memainkan peranan penting dalam masyarakat dengan memperkuat dan mengupayakan masyarakat yang terpaksa berhadapan dengan kesan pandemik yang ketara melalui pemberdayaan diri dan beberapa jenis manfaat yang lain. Begitu juga dengan wakaf yang merupakan alat penting kesejahteraan sosial yang dapat membantu masyarakat dalam berbagai sektor seperti Perusahaan Kecil dan Sederhana, pendidikan, dan kesihatan serta mengurangi kesan wabak tersebut. Oleh itu, wakaf dikenali sebagai mekanisme sukarela untuk menolong masyarakat umum apabila kejadian dan situasi mengizinkan.

Di samping itu, menurut Siti Rohayu dan Santhosh (2014), terdapat beberapa strategi

yang boleh digunakan untuk menguruskan kewangan, sama ada melibatkan individu atau institusi keluarga ke arah yang lebih baik apabila terpaksa berhadapan dengan situasi kemelesetan ekonomi rentetan daripada pandemik Covid-19. Antara cara dan kaedah yang boleh diaplikasikan adalah:

- i. Menyimpan 10% daripada pendapatan bulanan ke dalam akaun simpanan atau tabung simpanan.
- ii. Membuat catatan bagi setiap perbelanjaan harian, termasuk bayaran yang menggunakan kad kredit.
- iii. Membuat senarai hutang dan bil yang tertunggak, dengan membuat 'target' untuk melangsaikan hutang dan pembayaran bil tersebut.
- iv. Sentiasa mengutamakan keperluan berbanding kehendak nafsu manusia.
- v. Berazam untuk mencapai matlamat dalam menguruskan kewangan, iaitu dengan sentiasa berdisiplin dan tidak mudah putus asa.
- vi. Menyediakan perlindungan kewangan yang paling terbaik bagi diri sendiri dan juga keluarga dengan menyertai skim perlindungan takaful.
- vii. Sentiasa mengemas kini maklumat pembayaran pinjaman dengan pihak institusi sekiranya ada membuat pinjaman.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perancangan pengurusan kewangan Islam memainkan peranan yang penting dalam sesebuah institusi keluarga muslim. Pemilihan yang bijak bagi merancang kewangan sebuah institusi keluarga amatlah penting. Hal ini demikian kerana, pilihan untuk menggunakan pengurusan kewangan Islam sebagai salah satu aspek panduan utama dalam kehidupan akan memudahkan lagi urusan-urusan yang akan mendatang. Masyarakat seharusnya mengambil cakna perancangan kewangan dalam institusi kekeluargaan semenjak dari awal lagi agar tidak tergelincir apabila berhadapan dengan krisis kewangan seperti pepatah "sudah terhantuk, baru tengadah". Amalan perancangan dan pengurusan yang sistematik dalam kalangan isi rumah dapat menstabilkan ekonomi keluarga, mengekalkan harmonisasi dalam pasaran dan yang paling penting dapat mengelakkan isi rumah daripada berhadapan dengan masalah defisit kewangan. Masalah kewangan yang terjadi dalam sesebuah keluarga, berkemungkinan akan melumpuhkan keharmonian berumahtangga dan tidak dinafikan juga akan mengganggu kesihatan mental ahli keluarga. Jelasnya, impak negatif yang berlaku besar kemungkinan disebabkan oleh tiada perancangan dan ketidakupayaan menguruskan kewangan dalam institusi keluarga.

Sekiranya berlaku kejadian yang tidak diduga seperti kemelesetan ekonomi disebabkan oleh penularan wabak Covid-19, kebiasaannya isu-isu yang melibatkan salah urus kewangan disebabkan beberapa faktor seperti pendapatan kecil, perbelanjaan tidak teratur serta kurangnya motivasi dan disiplin menyebabkan seseorang individu itu gagal mengatur kewangannya dengan lebih baik. Bahkan, sebahagian besar rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk menghadapi situasi kecemasan dan juga tidak dinafikan kebanyakan rakyat Malaysia sudah terbiasa dan sangat berminat untuk membuat pinjaman peribadi dan pelbagai jenis pinjaman lain daripada institusi perbankan atau agensi pemberi dana lain untuk

mendapatkan wang dengan jangka masa yang lebih cepat dan mudah berbanding menyimpan dan menabung. Justeru itu, strategi dalam memperkasakan pengurusan kewangan Islam dalam era pandemik dan endemik Covid-19 diperlukan untuk membendung masalah kewangan dalam institusi kekeluargaan. Antara strateginya ialah:

1. Meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat akan kepentingan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan
2. Strategi memperkasa modal insan dalam sektor kewangan Islam khususnya dalam aspek peningkatan tahap pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan kewangan
3. Pemerkasaan konsep zakat dan wakaf dalam pelbagai aspek yang berkaitan seperti kutipan dan pengagihan
4. Pelaksanaan pajak gadai Islam atau Ar Rahn
5. Pembiayaan mikro Islam
6. Amalan bijak merancang kewangan
7. Mencari pendapatan tambahan
8. Penerimgunaan teknologi dan pendigitalan dalam pengurusan kewangan

Masyarakat pada masa kini juga lebih sedar, peka dan prihatin untuk merancang dalam menguruskan harta. Kemunculan wabak Covid-19 telah membuka mata masyarakat tentang pentingnya persediaan kecemasan sekiranya ada perkara yang berlaku. Justeru, pelbagai inisiatif yang boleh digunakan untuk merancang pengurusan kewangan sebuah institusi keluarga yang lebih baik dan terancang.

## PENGHARGAAN

Artikel ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan TIER 1 Universiti Tun Hussien onn Malaysia (UTHM) (Kod Geran: H858)

## RUJUKAN

- Al-Aidaros, A. H., Abdul Hadi, L. N., & Hamdan, N. A. 2020. Islamic Wealth Planning: The Development of Instrument. *International Journal of Islamic Business* 5(2): 1-19.
- Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman, & Fauziah Mohd Noor. 2014. Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 115-128.
- Bab 2, Risiko. Risiko dan Takaful (A2.5). <http://takafuleexam.com/e-content/TBE-A/content/18141205PartABM.pdf> [1 Mei 2022].
- Bernama. 2020, 3 April. Kewangan Islam Berkembang Pesat Berbanding Konvensional. Sinar Harian Online. <https://www.sinarharian.com.my/article/77104/BISNES/Kewangan-Islam-berkembang-pesat-berbanding-konvensional> [12 April 2022].
- Berita Harian Online. Dr Azwan Abdullah. 2020. Ketua Rumah Perlu Bijak Rancang Kewangan. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/04/676793/ketua-isi-rumah-perlu-bijak-rancang-kewangan> [12 April 2022].
- Eza. (2020, 19 Mei). Pendapatan Aktif vs Pendapatan Pasif. *Majalah Labur*.

- <https://www.majalahlabur.com/kewangan/pendapatan-aktif-vs-pendapatan-pasif/> [12 April 2022].
- Junaidi Mansor & Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim. 2020. *Cabaran dan Strategi Pasca-Pandemik Untuk Belia*. Khazanah Research Institute.
- Laporan Belanjawan 2020. 2019. *Pengurusan dan Prospek Ekonomi*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad Kuala Lumpur. <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-10-11/CMD%2026.2019%20BM..pdf> [5 Mei 2022].
- Lum Ji Seng & Saiful Haffizah Jaaman. 2011. Pengoptimuman Portfolio dengan Pengelasan Saham dan Menggunakan Ukuran Risiko Berbeza. *Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis*. JQMA 7(2): 23-38.
- Malaysia Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023. Final Education Network (FEN). <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=4c232549-09c0-4ed9-9e0d-a43303a1fb8e> [12 April 2022].
- Mohd Fadhli Mohd Faudzi & Mohd Hafiz Hj. Fauzi. 2010. Perbankan Islam Sebagai Senjata Memerangi Sistem yang Tidak Bertetapan dengan Islam. *Al-Muamalat*, 10/24.
- Mohd Hafiz Bin Abdul Salam. 2020. *Sinar 2021 Pasa Covid 19*. Edisi Majlis Agama Islam Selangor. 27. <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2021/01/EDISI-MAIS-Bil-4.2020-1.pdf> [2 Mei 2022].
- Mohd Nasaruddin Parzi. (2020, 31 Oktober). Pengurusan Kewangan Lemah Punca Gagal Menyimpan. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/748282/pengurusan-kewangan-lemah-punca-gagal-menyimpan> [5 Mei 2022].
- Mustafa Raza Rabbani, Abu Bashar, Nishad Nawaz, Sitara Karim, Mahmood Asad Mohd. Ali, Habeeb Ur Rahiman and Md. Shabbir Alam. 2021. Exploring the Role of Islamic Fintech in Combating the Aftershocks of COVID-19: The Open Social Innovation of the Islamic Financial System. *Journal of Open Innovation: Technology, Market, and Complexity*.
- Norfaizah Othman & Fadilah Mat Nor. 2021. Konsep Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*.
- Nuradli Ridzwan Shah, Hanifah, Wan Rasyidah, Wan Nur Fazni, & Umi Hamidaton. 2020. Gelagat Pengguna, Penjanaan Dan Pengembangan Kekayaan Pasca Covid-19.
- Nurfarahin Hussin. (2021, 17 Mei). Memperkasa Modal Insan Kewangan Islam. Utusan Malaysia Online. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/05/memperkasa-modal-insan-kewangan-islam/> [2 Mei 2022].
- Nur Syamilah Md Noor , Razinda Tasnim Abdul Rahim, Rabiatal Adawiyah Safiee. 2020. To Fish in Trouble Water: Ar Rahnu during Covid-19 Pandemic. *International Journal of Muamalat* 4(1).
- Sarimah Basah & Putri Rozita Tahir. 2019. Towards Acceptance of Islamic Wealth Management. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*.
- Sinar Harian Online. (2019, 17 Jun). Carilah Harta yang Halal dan Bersederhana. <https://www.sinarharian.com.my/article/32881/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Carilahharta-yang-halal-dan-bersederhana> [5 Mei 2022].
- Sinar Harian. (2021, 11 Mac). Institusi Kewangan Islam Berperanan Pulih Covid-19.

<https://www.sinarharian.com.my/article/127917/BERITA/Nasional/Institusikewangan-Islam-berperanan-pulih-Covid-19> [5 Mei 2022].

Siti Rahayu Zakaria & Santhosh Kannan. 2014. Pengurusan Kewangan: Kemahiran Untuk Semua Orang. *Ringgit*, Edisi September.

Zarinah Mohd Yusoff, Engku Rabiah Adawiah, Habeebullah Zakariyah. 2021. Islamic Financial Planning: Towards Sustaining the Financial Wellbeing of Muslim Families in Malaysia Post Covid-19. *Turkish Journal of Islamic Economics* 8: 355-376. 10.26414/A2380.